



19 Januari 2012  
19 January 2012  
P.U. (A) 21

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2012

*PARKS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
BY-LAWS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2012

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Undang-undang  
kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

TAMAN YANG DISEDIAKAN DAN DISENGGARAKAN OLEH DATUK BANDAR

3. Kesalahan
4. Larangan membawa masuk binatang
5. Larangan menangkap, menjerat atau membunuh binatang
6. Larangan membawa masuk kenderaan
7. Larangan meletak kenderaan sembarang
8. Larangan masuk pada waktu khusus
9. Penutupan taman
10. Perintah keluar pesalah dari taman

BAHAGIAN III

TAMAN YANG DISEDIAKAN DAN DISENGGARAKAN OLEH MANA-MANA ORANG LAIN

11. Tanggungjawab orang yang menyediakan taman
12. Kelakuan ketika berada di dalam taman

Undang-undang  
kecil

13. Kuasa masuk Datuk Bandar

BAHAGIAN IV

AM

14. Pengecualian

15. Pembatalan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012.**

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2012.

(3) Undang-Undang Kecil ini terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur;

“kenderaan bermotor” ertinya apa-apa jenis kenderaan yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah treler;

“orang kurang upaya” ertinya orang yang mempunyai kekurangan keupayaan fizikal, pendengaran atau penglihatan yang menjaskannya pergerakannya;

“perjudian” ertinya apa-apa permainan mencuba nasib atau permainan yang bercampur unsur mencuba nasib dengan kemahiran, dengan tujuan pemenang akan dihadiahkan dengan wang atau apa-apa benda yang bernilai;

“struktur” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa bangunan lain yang dibuat daripada apa-apa bahan;

“taman” termasuklah mana-mana taman bunga, taman permainan, taman permainan kanak-kanak, taman rekreasi, taman hiburan, esplanad, kawasan lapang, laluan kaki di tasik dan kawasan yang dilandskap;

“utiliti” termasuklah paip air, kabel dan wayar.

## BAHAGIAN II

### TAMAN YANG DISEDIAKAN DAN DISENGGARAKAN OLEH DATUK BANDAR

#### **Kesalahan**

3. Mana-mana orang di dalam mana-mana taman yang—
  - (a) mengalih atau merosakkan apa-apa notis, undang-undang kecil, peta, pelan atau apa-apa benda yang dipamerkan di taman itu;
  - (b) memindahkan, membuat apa-apa pengubahan kepada, mengoyak, mengalih, mencacatkan atau mengusik apa-apa benda yang dipamerkan, dipertunjukkan, dilekatkan, digantung, diletakkan atau didirikan oleh Datuk Bandar;
  - (c) membawa bersama-samanya, menampalkan atau menegakkan apa-apa pelekat, notis, bendera, sepanduk atau iklan pada atau di atas mana-mana tembok, pokok, pagar atau struktur melainkan dibenarkan oleh Datuk Bandar secara bertulis;